



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 26 SEPTEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEJARAH PERKHIDMATAN VETERINAR SEMPENA SAMBUTAN KE 125 TAHUN, DVS 125 TAHUN KEMATANGAN MEMACU KECERMERLANGAN, SH -20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	TENANG MEREDAH LADANG, SANTAI, HM -47	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
3.	HARAPAN PESAWAH DI KEDAH, PERLIS, MENJELANG BELANJAWAN 2020, SH -30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	HPPNT 2019 SASAR 50,000 PENGUNJUNG, SINAR NEGERI TERENGGANU, SH -38	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	BANTUAN KEPADA PESAWAH WAJAR DINAikkan, MENJELANG BELANJAWAN 2020, SH -30	LAIN-LAIN
6.	WUJUDKAN SKIM BANTU PENGILANG BUMIPUTERA, MENJELANG BELANJAWAN 2020, SH -30	
7.	KELANTAN PELOPORI PENTERNAKAN LEMBU SADO, FOKUS, HAKAKAH -N22	
8.	TAWAR TENDER BENIH PADI BENTUK SAINGAN SIHAT, DALAM NEGERI, UM -7	
9.	KUOTA TAMBAHAN TUNGGU KELULUSAN, NASIONAL, BH -18	
10.	MELAKA GETS NOD TO DRAW LAKE WATER, NEWS/NATION, NST -12	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

26/9/2019

SINAR
HARIANDVS 125 TAHUN KE-
MATANGAN
MEMACU
KECERMERLANGAN

20



SEJARAH PERKHIDMATAN VETERINAR SEMPENA SAMBUTAN KE 125 TAHUN

Jabatan Veterinar telah wujud di Pulau Pinang seawal tahun 1888 dengan penempatan Doktor Veterinar bertauliah di Jabatan Perubatannya.

Pada masa itu, tugas utama Doktor Veterinar ialah memeriksa ternakan yang diimport dari luar negara terutama dari Siam dan Kedah.

Bagi melindungi Pulau Pinang daripada penyakit bawaan haiwan yang diimport ketika itu, sebuah pusat kuarantin telah dibina pada 1896 dan merupakan pusat kuarantin yang pertama di Malaysia.

Perkhidmatan Veterinar mula berkembang di negeri-negeri lain dengan pewujudan Cawangan Veterinar di Jabatan Perubatan dengan penempatan Doktor Veterinar dan Pemeriksa Veterinar.



125
VETERINAR MALAYSIA

Semua Perkhidmatan Veterinar berada di bawah bidang kuasa Ketua Pegawai Perubatan yang berpusat di Singapura sehingga tahun 1930.

KAWAL WABAK
EPIDEMIK

Pada masa itu, tugas utama pegawai yang dilantik ialah mengawal wabak penyakit haiwan (epidemi).

Di samping itu, satu unit Veterinary Police Force ditubuhkan di Jabatan Polis di bawah kawalan ketua polis negeri.

Unit itu ditugaskan untuk memusnahkan anjing-anjing liar dalam usaha menghapuskan penyakit anjing gila dan menjadi mata-mata untuk melaporkan sebarang kejadian penyakit haiwan.

Bagaimanapun, unit berkenaan kemudiannya dimansuhkan dan digantikan dengan atendan haiwan.

Pada 1930, Perkhidmatan Veterinar dipisahkan dari Jabatan Perubatan dan pemisahan ini merupakan asas kepada penubuhan Jabatan Perkhidmatan Haiwan.


Kemudian Jabatan Perkhidmatan Haiwan juga ditubuhkan di Majlis Kerajaan Tempatan seperti di Pulau Pinang dan Melaka.

Pada 1934, Ibu pejabat jabatan Perkhidmatan Haiwan dipindahkan dari Singapura ke Kuala Lumpur dan seterusnya pembentukan sebagai Jabatan berasingan di bawah kelolaan Pengarah Penyelidikan Veterinar dan Penasihat Veterinar, sehinggalah Perang Dunia ke-2.

Semasa zaman pemerintahan British, Jabatan Perkhidmatan Haiwan disusun semula dan menjadi asas organisasi sehingga kini.



SEJARAH DVS JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR



PERANAN, FUNGSI JABATAN DIPERLUAS

Pada 16 November 1957, Allahyarham Tan Sri Johari Daud dilantik menjadi anak watan pertama menaja jabatan selepas kemerdekaan negara.

Peranan dan fungsi jabatan diperluaskan demi memenuhi aspirasi rakyat dalam sebuah negara merdeka sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia ialah sebuah agensi Kerajaan Persekutuan dibawah Kementerian Pertanian Malaysia, manakala Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri ditadbir di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Sehinggalah pada 2008, Jabatan Perkhidmatan Malaysia telah ditaja sembilan ketua pengarah.

Bangunan ibu pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia terletak di Singapura sebelum berpindah ke Wisma Tani, Jalan Sultan Salehuddin, Kuala Lumpur.

Ibu pejabat kemudiannya dipindahkan pula ke Bangunan Chase

Kini DVS lebih matang dan berkeyakinan, untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan Jabatan serta Agensi Kementerian yang lain.

Perlane, Jalan Semantan Off Bukit Damansara sebelum akhirnya pada Mei 2005, berpindah ke bangunan sendiri di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Blok Podium Lot 4G1 dan 4G2, Presint 4, Pusat Pertadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya sehingga hari ini.

Akhirnya, sebagai satu-satunya organisasi yang bertanggungjawab ke atas pengawalan penyakit, kebajikan haiwan dan industri pertanian di negara ini, maka perluasan skop tanggungjawab serta peranan jabatan bagi memenuhi aspirasi sejagat telah membawa kepada penjenamaan semula Jabatan

Perkhidmatan Haiwan Malaysia.

Tanggal 24 Mei 2008 merupakan tarikh bersejarah buat warga Jabatan khususnya dan organisasi Jabatan Perkhidmatan Haiwan umumnya apabila namanya ditukarkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Pelancaran itu diempunkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Datuk Mustapa Mohamed dengan penuh bersejarah.

Kini DVS lebih matang dan berkeyakinan, untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan Jabatan serta Agensi Kementerian yang lain.



TENANG MEREDAH LADANG

Penginapan khas dikelilingi kawasan penyelidikan sesuai mereka yang gemar percutian santai



Zaidi Sabli
zaisa@hmetro.com.my

Pelancongan agro di Malaysia semakin mendapat tempat dalam kalangan pelancong dalam dan luar negara.

Ia berikutan sektor pertanian negara ini yang semakin berkembang pesat sehingga menawarkan pelbagai aktiviti seperti lawatan ke dusun buah-buahan, ladang ternakan, perikanan, pusat penyelidikan, rekreasi dan riadah.

Malah, kesedaran masyarakat mengenai kepentingan keselamatan makanan, makanan sihat dan organik dalam pertanian menjadikan konsep pelancongan sedemikian kian diminati.

Galakan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya turut membolehkan lebih banyak destinasi pelancongan agro dibangunkan.

Bagi memeriahkan industri pelancongan agro yang semakin digemari khususnya dalam kalangan warga kota, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) membangunkan tapak penginapan khas yang dikelilingi ladang produk penyelidikan berkaitan pertanian di Institut Penyelidikan dan Kemajuan

Pertanian Malaysia (Mardi), Serdang, Selangor.

Destinasi dikenali dengan nama Nafas Cube itu menyediakan kemudahan sesuai bagi mereka yang sukakan percutian santai yang singkat terutama pada hujung minggu, malah kedudukannya yang terletak dalam kawasan ladang kajian MARDI menjanjikan pemandangan penuh kehijauan sesuai buat pencinta alam semula jadi.

Pengurus Nafas Cube, Mohamad Sarif Safian berkata, lokasi percutian santai di pinggir ibu kota itu pada asalnya dibangunkan sebagai satu daripada tarikan baru Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) pada 2016 dan ia menggabungkan tiga elemen utama dalam pembinaannya iaitu kontena, culvert serta khemah.

"Satu trend yang sedang berkembang pada masa kini adalah minat orang ramai yang gemar keluar daripada kesibukan kota untuk menikmati alam semula jadi sambil melakukan aktiviti menarik yang jarang dicuba sebelum ini.

"Oleh itu, kami mengambil inisiatif menyediakan lokasi dan aktiviti riadah bagi warga kota bersantai hujung minggu yang bukan saja eksklusif, malah tenang



AKTIVITI berbasikal bersama keluarga meredah ladang penyelidikan pertanian.



KEMUDAHAN penginapan selesa untuk pengunjung jauh.



LAPANG masa bersama keluarga dalam suasana hijau.

dengan pemandangan menarik berlataran tasik berdekatan, pepohon hijau dan suasana yang nyaman.

"Kami turut menyediakan platform untuk mereka yang ingin memancing di tasik itu untuk meneroka pelbagai spesies ikan yang terdapat di dalamnya. Bagi kaki paritng juga tidak lagi perlu meninggalkan keluarga semata-mata mahlu memenuhi hobi mereka kerana kami turut menyediakan kemudahan lain untuk seisi keluarga," katanya.

Katanya, warga kota yang datang berkunjung juga boleh mencuba mengayuh basikal mengelilingi tasik, selain menikmati suasana kehijauan ladang penyelidikan memandangkan suasana yang redup dipenuhi pelbagai jenis pokok selain laluan yang selamat serta mesra kanak-kanak.

"Rata-rata ibu bapa juga semakin sedar akan kepentingan sektor pertanian dan mula mendedikannya kepada anak-anak mereka dengan membawa ke pusat pelancongan agro.

"Kegiatan ini secara tidak langsung turut meningkatkan kesedaran warga kota mengenai kepentingan aktiviti bersama keluarga dan pada masa sama tidak mahu bercuti terlalu jauh dari ibu negara. Malah, mereka juga boleh memilih untuk mengadakan majlis kerian atau hari keluarga," katanya.

Harapan pesawah di Kedah, Perlis

Tingkatkan infrastruktur, naikkan subsidi, atasi masalah sistem pengairan

ROSHILA MURNI ROSLI

AYER HITAM

Pesawah di Kedah dan Perlis berharap kerajaan dapat menumpukan perhatian kepada beberapa isu melibatkan golongan berkenaan dalam pembentangan Belanjawan 2020 yang dijadual dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada 11 Oktober ini.

Seorang pesawah dari Kampung Matang Mahang, Azmi Rejab, 63, berkata, dia sangat berharap kerajaan dapat menyalurkan peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur di kawasan sawah.

Menurutnya, jalan kampung yang dibina di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebelum ini rosak dan berlobang-lubang akibat dilalui oleh kenderaan berat

seperti mesin padi dan lori padi.

"Kami mencadangkan agar kerajaan membina jalan ladang untuk digunakan oleh kenderaan berat tersebut tanpa berkongsi dengan penduduk kampung,"

"Selain lebih selamat, ia juga akan mengurangkan kos baik pulih jalan kampung yang perlu ditanggung kerajaan sebelum ini," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Azmi berkata, dia juga berharap kerajaan dapat mempertimbangkan kenaikan jumlah subsidi sebanyak RM50 mulai tahun hadapan.

"Kos sara hidup sekarang semakin tinggi, tambahan pula kami tiada mata pencarian yang lain selain mengerjakan sawah sahaja," katanya.

Sementara itu, Che Ani Md Zain, 61, pula berkata, sistem pengairan juga adalah antara masalah yang membelenggu pesawah pada masa kini.

"Terdapat sesetengah pesawah mengalami kesulitan untuk mengeringkan sawah kerana sistem pengairan yang tidak sistematik."

"Ada juga stereng pintu



Pesawah di Kampung Matang Mahang, Jerun meninjau kawasan sawah mereka semalam yang sudah dituai beberapa hari lalu.

air yang usang kerana tidak ditukar sejak mula dibina pada 1970-an. Keadaan itu menyukarkan kami untuk kendalikannya," kata beliau.

Menurutnya, kerajaan juga perlu memberi tumpuan kepada penghasilan benih padi yang berkualiti melalui kerjasama antara agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan MADA.

"Ini kerana ada benih padi yang digunakan oleh pesawah mempunyai pera-



tus padi angin yang tinggi iaitu melebihi 50 peratus.

"Masalah tersebut merugikan pesawah kerana ia akan menjejaskan hasil tuaian kelak," katanya.

Adnan Mt Isa, 64, dari Kampung Tambun Tulang, Perlis pula berkata, kerajaan perlu mengkaji semula keberkesanan penggunaan racun dan baja yang diedarkan kepada pesawah.

"Bantuan tersebut di-

berikan secara percuma kepada pesawah tetapi apa yang terjadi ialah segelintir pesawah menjual semula bantuan yang diperoleh itu kepada pihak ketiga.

"Kemudian mereka beli racun dan baja daripada syarikat lain. Di sini sudah dapat dibuktikan bahawa baja dan racun yang dibekalkan tidak berkualiti dan tidak sesuai dengan tapak sawah.

"Jadi, saya harap kerajaan buat kajian semula untuk memastikan baja dan racun tersebut benar-benar efektif kepada sawah," katanya.

REAKSI



Saya harap kerajaan akan kembalikan bantuan sara hidup untuk pesawah sebanyak RM200 sebulan selama tiga bulan sementara mereka menunggu waktu menuai." - Ahli Dewan Undangan Negeri Ayer Hitam, Kedah, Azhar Ibrahim



Insyallah, saya yakin Belanjawan 2020 beri lebih manfaat kepada petani dan peladang di Malaysia bagi membantu mereka meningkatkan pendapatan dan hasil pertanian." - Pengerusi Penyelaras PPK Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Mohd Musa Kamis



Kerajaan perlu beri perhatian terhadap skim pemulihan kilang Melayu dan dana supaya kilang boleh terus beroperasi serta dapat bersaing dengan kilang bukan bumiputera." - Bekas Pengerusi Porsatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia, Musonnef Md Redzi

Bantuan kepada pesawah wajar dinaikkan

ALOR SETAR - Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah berharap kerajaan mendengar permasalahan pesawah, selain meneruskan bantuan kepada golongan berkenaan berikutan kos sara hidup meningkat.

Pengerusinya, Datuk Abd Lateh Mohd Saman berkata, bantuan kepada pesawah wajar dinaikkan dalam Belanjawan 2020, selain subsidi yang berterusan.

Menurutnya, subsidi bukannya menambah pendapatan golongan pesawah, sebaliknya disalurkan secara tidak langsung kepada pengguna beras.

"Setiap bantuan harus dipulangkan kepada pesawah melalui pertubuhan peladang bagi mengelak dieksploitasi oleh pihak ketiga. Kerajaan juga harus cari jalan meningkatkan mutu dan hasil padi agar setimpal dengan keringat pesawah.

"Kita perlu kenal pasti juga tanaman yang sesuai sebagai projek hiliran pesawah," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Wujudkan skim bantu pengilang bumiputera

ALOR SETAR - Kerajaan disaran mewujudkan skim pemulihan untuk pengilang bumiputera dalam Belanjawan 2020 bagi membantu golongan berkenaan yang dihirup pelbagai masalah sehingga terpaksa menghentikan operasi.

Pengerusi Bersama Padi Rescue (wakil pengilang), Musonnef Mohd Radzi berkata, skim itu perlu bagi mengimbangi agenda bumiputera dalam industri beras negara.

Menurutnya, daripada 104 buah kilang milik bumiputera seluruh Malaysia, hanya 23 buah kilang yang beroperasi, namun separuh daripada jumlah itu kini turut berdepan masalah.

"Apabila pelbagai masalah berlaku, antaranya bekalan padi dan lambakan

beras menyebabkan kilang-kilang bumiputera ditutup. Justeru, kami sarankan diwujudkan skim pemulihan untuk bantu kilang bumiputera," katanya.

Musonnef berkata, kerajaan juga diminta meneliti agihan subsidi benih padi sah agar tidak dieksploitasi oleh pihak tertentu.

"Kerajaan juga diharap membuka peluang kepada kilang bumiputera menguruskan import beras (AP) dan bukan hanya terbuka kepada syarikat besar," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Sementara itu, Pengerusi Bersama Padi Rescue (wakil pesawah), Rafirdaus Abu Bakar memohon agar kerajaan mewujudkan dana khas bagi mewujudkan koperasi dalam kalangan pesawah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI TERENGGANI	38

HPPNT 2019 sasar 50,000 pengunjung

KUALA TERENGGANU - Lebih 50,000 pengunjung disasarkan hadir ke Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Terengganu (HPPNT) 2019 yang diadakan bermula hari ini hingga 28 September di pekan Jabi, Besut.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, pelbagai aktiviti dan pameran diadakan sempena program itu bagi memberi maklumat kepada orang ramai.

"HPPNT menjadi satu medan untuk memudahkan orang ramai bertemu dengan agensi berkaitan pertanian bagi mendapatkan maklumat terkini serta khidmat nasihat.

"Selain itu, tujuan kita mengadakan HPPNT 2019 sebanyak dua tahun sekali sebagai satu pengiktirafan kerajaan kepada pemain dalam sektor pertanian.

"Banyak jasa dan sumbangan yang telah mereka berikan terhadap pembangunan, kemakmuran dan kesejahteraan negeri," katanya.



AZMAN

Menurutnya, beliau mengalu-alukan kehadiran orang ramai terutama seluruh warga Terengganu untuk berkunjung ke program itu.

"Bagi pihak Jawatankuasa Induk HPPNT 2019, saya mengalu-alukan semua rakyat negeri ini berkunjung ke program yang akan berlangsung selama empat hari ini," katanya.

Azman yang juga Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Jabi berkata, antara acara yang dijangka menjadi tumpuan ialah pertandingan dan pertunjukan lembu sado, kambing comel, pameran penyus, kerapu gergasi dan pertandingan silat jatuh.

"Program lain seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam, pameran jentera dan peralatan pertanian, pameran hasil pertanian unik, karnival jualan, pameran pelbagai jabatan dan agensi turut diadakan.

"Orang ramai dijemput bagi memeriehkan lagi HPPNT 2019," katanya.

Lembu sado Kelantan mendapat permintaan tinggi dari seluruh negara.

Kelantan pelopori penternakan lembu sado

Oleh M FAQIH

SEHINGGA sekarang Kelantan mampu berbangga apabila beberapa sektor pertanian mencapai tahap sara diri. Ia membantu mencapai matlamat menjadikan Kelantan sebagai Jelaang Makanan Negara.

Pengeluaran beras, buah-buahan dan penternakan lembu sudah mencapai tahap tersebut. Malah turut dieksport ke negeri-negeri lain.

Berdasar laporan terdapat pertambahan bilangan petani dan penternak baharu di Kelantan tahun lepas lebih 2,000 orang.

Malah dalam tempoh lima tahun kerajaan negeri mensesar menghasilkan 1,000 usahawan tani. Antara usaha dilakukan melahirkan 40 petani perintis tebu telur untuk pasaran eksport ke Singapura.

Anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kilang juga dibina bagi memproses tebu telur sebelum dipasarkan.

"Sekarang ditanam di kawasan seluas 10 ekar di Rong Chenok Pasir Mas. Kawasan itu keseluruhan seluas 50 ekar.

"Kerajaan negeri juga akan memperluaskan jumlah peserta di seluruh Kelantan dengan syarat peserta perlu ada tanah sendiri," katanya di sini.

Kerajaan negeri turut membekalkan benih dan baja untuk projek penanaman tebu telur.

Begitu juga bagi pesawah turut diberi bantuan input pertanian, benih dan baja padi termasuk baja awal penggalak.

Kelantan juga meneroka pengeluaran beras organik yang bebas penggunaan

baja kimia dan racun serangga. Projek perintis terbahit dilaksanakan di Gaal Pasir Puteh melibatkan kawasan seluas 280 ekar.

Projek padi organik itu membahidkan seramai 80 peserta. Padi berkenaan tidak menggunakan baja kimia dan penggunaan racun separa organik.

"Ini merupakan pilot projek dilaksanakan tahun ini sebagai usaha bagi memperluaskan penanaman padi organik di Kelantan. Sebelum ini projek itu pernah dilaksanakan di bendang Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu.

"Kita akan memperluaskan ke Tumpat dengan menggunakan baja sendiri. Projek terbahit dapat membantu meningkatkan pengeluaran padi," ujarnya.

Tanaman padi organik di Gaal ternyata berjaya meningkatkan hasil daripada 3-5 metrik tan sehektar kepada 6 tan metrik.

Malah ada yang sudah mencapai 7 metrik tan padi perhektar. Sehingga, sekarang Kelantan berada di kedudukan kedua selepas Kedah keluasan tanaman padi di Malaysia. Beras juga eksport ke negeri-negeri lain.

Lembu sado

Kerajaan negeri juga melaksanakan pelbagai program bagi memperkasakan lagi sektor penternakan. Antaranya program pawah dan melatih penternak bagi meningkatkan populasi ternakan.

Di seluruh Kelantan sekarang terdapat kira-kira 90,000 ekor lembu. Ternakan lembu juga sudah mencapai sara diri bagi bekalan tempatan.

Bekalan lembu dibawa masuk dari Thailand dan

Kempuchea.

Dalam tempoh setahun kira-kira 20,000 ekor lembu dibawah masuk selepas dikuarantin di Rantau Panjang.

"Bekalan lembu pada Hari Raya Korban baru-baru ini melebihi permintaan. Setakat ini kita belum lagi mengeksport lembu ke negeri-negeri lain," katanya.

Namun lembu sado yang dihasilkan melalui kaedah NaimBif juga sudah diperluaskan ke negeri-negeri lain.

Kata Mohd Saripudin pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) di Seidang baru-baru ini lembu sado dari Kedah, Perak dan Johor juga diambil dari Kelantan.

"Boleh dikatakan semua lembu sado diambil dari Kelantan. Di negeri lain baru berkembang termasuk di Terengganu di mana mereka mendapatkan lembu sado Kelantan.

"NaimBif kaedah pembiakan lembu meliputi cara pembiakan dan pemeliharaan. Boleh dikatakan Kelantan memelopori industri penternakan lembu sado di Malaysia," tambahnya.

Lembu itu dihasilkan

melalui pemanan berhadapan dengan mengumpul benih lembu sado dan dibekalkan kepada penternak.

Mengikut Jabatan Veterinar di Bachok terdapat 5,000 ekor lembu sado laitu paling banyak di Kelantan. Keduanya di Pasir Puteh. Lembu sado terdapat bertaburan di seluruh Kelantan dianggarkan sekarang sebanyak 20,000 ekor.

Lembu tersebut pada asalnya jenis baka Kelantan dan Kedah.

Di Kelantan juga terdapat pusat pembiakan hialwan Pantai Timur di Kemahang Tanah Merah diurus Jabatan Veterinar. Pusat seumpama itu yang terbesar di Malaysia meliputi kawasan seluas 2,000 ekar.

Projek National Feedlot Corporation (NFC) itu juga dikenali sebagai ladang safari. Di situ turut ditempatkan rusa dan seladang.

Di kawasan terbahit terdapat empat kandang besar yang boleh menempatkan sehingga 1,000 ekor lembu. Ia diusahakan pengusahanya yang menyewa tapak tersebut.

"Dalam usaha menjadikan Kelantan sebagai Jelaang Makanan Negara kita perhebatkan lagi ternakan



Ustaz Mohd Tuan Saripudin Tuan Ismail



Lembu sado berharga RM28,000.

lembu sado.

"Kalau dahulu rakyat yang ternak dan sekarang diusahakan Perbadanan Pertanian Kelantan. Kita juga siapkan tapak untuk tanaman rumput di padang ragut lembu sado dengan sistem bridlot dan fidlot," katanya.

Sebanyak 50 ekor lembu betina akan dimasukkan benih untuk membiak lembu sado untuk dibagi kepada rakyat. Pusat ternakan fidlot di Rong Chenok meliputi kawasan seluas 170 ekar. Di lokasi sama juga sebagai tempat ternakan rusa pula seluas 500 ekar.

Kata Saripudin di situ juga Perbadanan Pertanian Kelantan akan melaksanakan projek tanaman tebu telur, jagung, nenas dan tembikai.

Manakala industri ternakan ikan air tawar turut diperluaskan ke seluruh Kelantan. Dan baru-baru ini seramai 35 peserta di Danau To Uban diberi bantuan sangkar besi dan jaring.

Sangkar menggunakan kaedah pulas bagi memudahkan penternak ketika hendak mengambil ikan yang mencapai tempoh matang. Danau To Uban sesuai ditemak ikan peyuyu kerana kedalaman air sehingga 8 kaki.



Tebu telur diusahakan petani di Kelantan.



Lembu sado berusia satu tahun enam bulan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Tawar tender benih padi bentuk saingan sihat

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Membuka dan menawarkan tender benih padi kepada lebih banyak syarikat mampu membentuk persaingan sihat antara pesawah dan pengilang.

Koordinator Badan Bertindak Selamatkan Industri Padi dan Beras Negara (Padi Rescue), Nurfitri Amir Muhammad berkata, persaingan sihat antara pesawah dan pengilang penting bagi mengawal harga beras.

Beliau berkata, langkah itu juga dapat mengelakkan berlakunya kekurangan benih padi yang sering dihadapi pesawah hari ini.

“Apabila industri input pertanian iaitu benih padi dibuka, ia menggalakkan persaingan dan output (beras) mampu dikawal supaya tak berlebihan.

“Kuota benih padi kalau dibuka kepada lebih banyak syarikat, sudah tentu petani suka sebab sekarang hanya sembilan syarikat sahaja dapat membekalkan benih padi,” katanya kepada *Utusan Malaysia*

di sini hari ini.

Katanya, cadangan supaya agensi kerajaan bertanggungjawab mengagihkan benih padi kepada pesawah tidak berupaya menyelesaikan masalah.

Hal itu berikutan katanya, kerajaan perlu mengagihkan peruntukan besar kepada agensi berkaitan selain menimbulkan penyalahgunaan kuasa.

“Pada pendapat saya, lagi ramai pemain dalam industri lagi bagus sebab ada banyak persaingan dalam menghasilkan input (benih),” katanya.

Semalam, beberapa pesawah di utara tanah air meminta perhatian kerajaan Pakatan Harapan (PH) agar mengembalikan bantuan sara hidup dan memansuhkan sistem kuota benih padi kepada kilang-kilang.

Jelas mereka, penyaluran benih padi kepada kilang atau pihak swasta perlu dihentikan kerana terdapat kilang mengaut keuntungan daripada penyaluran benih subsidi itu.

Bekalan benih padi sah

Kuota tambahan tunggu kelulusan

Keperluan pesawah sudah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyusunan semula kuota tambahan terhadap bekalan benih padi sah sebanyak 2,500 tan bagi menampung keperluan pesawah di Perak sudah dikemukakan dan kini dalam pertimbangan Kementerian Kewangan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya mengambil maklum berhubung isu kegagalan pesawah memulakan musim penanaman padi kerana tidak

mendapat bekalan benih sah daripada syarikat berkaitan.

Sehubungan itu, beliau menyuarakan komitmen bahawa kelut yang berupaya menjejaskan pengeluaran hasil padi negara berkenaan akan diselesaikan secepat mungkin.

"Kita sedar dan prihatin mengenai isu ini (pesawah tidak mendapat bekalan padi sah untuk memulakan musim penanaman), justeru Kementerian sudah menghantar permohonan kepada Kementerian Kewangan dan ia dijangka dapat diselesaikan segera.

"Setakat ini, (kuota tambahan benih padi sah kepada syarikat pembekal) belum mendapat kelulusan Kementerian Kewangan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Semalam, *BH* melaporkan lebih 4,000 pesawah di Bagan Serai, Perak bimbang tidak dapat memulakan musim penanaman padi berikutan kesukaran mendapat padi sah daripada pembekal seluruh negara.

Ketua Unit Peladang Parit Haji, Muslan Mohd Napiah, yang merintih mengenai isu itu berkata, ia

disebabkan sembilan syarikat pembekal terbabit belum menerima kuota tambahan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membekalkan benih padi sah kepada pesawah, khususnya di Bagan Serai.

Susulan isu terbabit, Ahli Parlimen Bagan Serai, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, dilaporkan berkata akan menyerahkan satu memorandum khas kepada Salahuddin, selain mencadangkan supaya beberapa lagi kilang pembekal benih padi dibina bagi mengatasi masalah terbabit.

SPECIAL PERMISSION

MELAKA GETS NOD TO DRAW LAKE WATER

Move a last resort to prevent rationing, says chief minister

AMIR MAMAT
ALOR GAJAH
news@nst.com.my

THE Malacca government has obtained special permission from the National Water Services Commission (SPAN) to extract water

from Tasik Biru in Jasin to the Durian Tunggal dam here.

This is a last ditch effort to prevent water rationing, as well as to address the prolonged water supply issue in the state, said Chief Minister Adly Zahari.

"On Oct 8, SPAN will have a meeting and make an official de-

cision on the matter. Following that, we will immediately pump water from Tasik Biru to the Durian Tunggal dam.

"I believe if this method is implemented, the water supply problem in the state can be resolved over the long haul," he said after a state banquet in conjunction with the Veterinary Innovation Day at the A' Famosa Resort here on Tuesday night.

Present were state Tourism, Heritage and Culture Committee



A Syarikat Air Melaka Bhd worker preparing to pump water from Tasik Biru in Jasin yesterday. PIC BY KHAIRUNISAH LOKMAN

chairman Datuk Muhammad Jailani Khamis and Veterinary Department director-general Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam.

On Monday, Adly, State Secretary Datuk Hasim Hasan and Syarikat Air Melaka Bhd chief executive officer Datuk Mohd Khalid Nasir met with SPAN's top management in Putrajaya.

He said water from Tasik Biru, as well as sources from Negri

Sembilan and Johor, would help alleviate the water shortage faced by the state.

"Tasik Biru, with a supply capacity of 600 million litres per day, can meet the water needs of the whole of Melaka, compared with 270 million litres obtained from Sungai Gerisik.

"Malacca is a tourist state and developing rapidly, so water supply is very crucial. We need to manage it effectively," he said.